



**SYARAT
PENDAFTARAN
SEBAGAI MALIM
GUNUNG
PERHUTANAN
(MGP) NEGERI
PERAK**

PENDAHULUAN

1. Semua Malim Gunung Perhutanan (MGP) Negeri Perak yang memasuki kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Perak perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.
2. MGP Negeri Perak perlu mematuhi prosedur / arahan tambahan, sama ada secara lisan atau bertulis yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak.



SYARAT MENDAFTAR SEBAGAI MGP NEGERI PERAK

SYARAT MENDAFTAR SEBAGAI MGP NEGERI PERAK

- a) MGP Negeri Perak mestilah **warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 hingga 60 tahun** pada tarikh permohonan;
- b) MGP Negeri Perak mestilah terdiri daripada **anak negeri atau yang telah bermastautin di Negeri Perak tidak kurang daripada lima (5) tahun** (Perlu dapatkan pengesahan daripada Penghulu);
- a) MGP yang berdaftar dengan Negeri Perak hanya **layak beroperasi di Negeri Perak sahaja.**
- b) MGP Negeri Perak mestilah **sihat tubuh badan** (fizikal dan mental) dan mestilah **bebas daripada pengaruh dadah, alkohol, dan tiada rekod jenayah sivil** (Jabatan akan menjalankan semakan dengan agensi berkaitan);

SYARAT MENDAFTAR SEBAGAI MGP NEGERI PERAK

- d) MGP Negeri Perak hendaklah mempunyai **kemahiran membaca dan menulis** bagi tujuan peningkatan modal insan yang akan dilakukan secara berterusan;
- e) Mempunyai **pengalaman minimum tiga (3) tahun** atau lebih dalam melakukan aktiviti pendakian khususnya di sesuatu kawasan pendakian (Pembuktian melalui Sijil berkaitan);

SYARAT TAMBAHAN MGP NEGERI PERAK

1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) boleh menetapkan Kriteria tambahan (jika perlu);
2. Keputusan memilih dan menyenarai pendek MGP Negeri Perak merupakan hak mutlak JPNPK berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan; dan
3. Setiap MGP Negeri Perak perlu mengemukakan laporan saringan kesihatan (*medical check-up*) setelah ditauliah, setiap kali memperbaharui permit atau bila-bila diminta oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak.




PENGIKTIRAFAN MGP NEGERI PERAK

PENGIKTIRAFAN MGP NEGERI PERAK

1. Setiap MGP Negeri Perak akan didaftarkan di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM);
2. Setiap MGP Negeri Perak perlu mengikuti kursus anjuran IPJPSM atau JPNPK dengan menggunakan modul latihan MGP di bawah seliaan IPJPSM atau mengikuti mana-mana kursus lain yang diiktiraf oleh JPNPK;
3. Setiap MGP Negeri Perak akan dilatih dengan pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan mengikut modul yang disediakan oleh JPSM, JPNPK, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau lain-lain agensi berkaitan;

PENGIKTIRAFAN MGP NEGERI PERAK

4. MGP yang berjaya menamatkan kursus akan ditauliahkan dengan diberi sijil, transkrip dan kad pengenalan sebagai Malim Gunung Perhutanan Negeri Perak mengikut tempoh masa berkuatkuasa; dan
5. MGP yang berjaya akan dipantau secara berterusan oleh pihak IPJPSM dan JPMPK bagi mengelakkan pelanggaran peraturan, dan penyalahgunaan kuasa / kelebihan yang diberikan.



**TANGGUNGJAWAB
MALIM GUNUNG
PERHUTANAN
NEGERI PERAK**

TANGGUNGJAWAB MGP NEGERI PERAK

1. MGP Negeri Perak hendaklah menyelaraskan permohonan permit masuk ke kawasan pendakian dan mendapatkan kelulusan JPMPK terlebih dahulu sebelum menawarkan perkhidmatan kepada mana-mana kumpulan pendaki;
2. MGP Negeri Perak perlu hadir awal bagi membantu proses pendaftaran, pengisytiharan barang masuk dan memberi taklimat sebelum memulakan pendakian;
3. MGP Negeri Perak boleh berada di dalam kawasan pendakian pada waktu ditugaskan / melakukan aktiviti pembersihan denai pendakian di bawah kebenaran dan pemantauan JPMPK;

TANGGUNGJAWAB MGP NEGERI PERAK

4. MGP Negeri Perak dibenarkan melaksanakan aktiviti pendakian yang telah ditetapkan oleh pihak JPNPK;
5. MGP Negeri Perak perlu menjalankan pemantauan peraturan dan melaporkan sebarang pelanggaran / kesalahan yang dilakukan oleh pendaki;
6. MGP Negeri Perak perlu menghubungi pegawai bertugas sebelum memulakan aktiviti pendakian; dan
7. Malim Gunung Perhutanan perlu membawa kad pengenalan MGP semasa bertugas bagi tujuan pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa.

**PENAMATAN /
PENGANTUNGAN
MGP NEGERI PERAK**



PENAMATAN / PENGGANTUNGAN MGP NEGERI PERAK

Pengarah Perhutanan Negeri Perak boleh **menggantung atau menamatkan perkhidmatan MGP Negeri Perak tanpa sebarang notis bertulis** sekiranya didapati MGP melanggar atau melakukan perkara seperti berikut:

- a) Mempunyai **rekod kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984;**
- b) **Tidak bekerjasama / melanggar arahan / prosedur-prosedur tambahan lain yang telah ditetapkan;**
- c) **Tidak lagi sihat tubuh badan dan disahkan tidak sihat oleh pegawai kesihatan;**

PENAMATAN / PENGGANTUNGAN MGP NEGERI PERAK

- d) Didapati membuat **pengistiharan palsu** bagi **Kelayakan Malim Gunung Perhutanan Negeri Perak**;
- e) Dilaporkan oleh pelawat melakukan apa-apa **kesalahan jenayah semasa menjalankan tugas** (disertakan **Report Polis** dan sehingga **disabitkan**);

Tiada sebarang ganti rugi boleh dituntut daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan juga Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di atas penamatan / penggantungan sebagai MGP Negeri Perak

**SEKIAN,
TERIMA
KASIH**

